


BAHAGIAN B – AGENDA KRITIKAL : PEMANGKIN TRANSFORMASI MENYELURUH

Universiti Apex

Pendekatan utama yang diperlukan untuk mencapai universiti berstatus dunia adalah melalui penubuhan satu atau dua Universiti Apex. Universiti Apex merupakan satu konsep yang bermatlamatkan kewujudan satu institusi mercu dan menjadi pusat akademik negara yang unggul.

Berdasarkan pengalaman universiti terbaik dunia, Universiti Apex akan diberi fleksibiliti untuk menyediakan keperluan bagi meletakkannya pada status berkelas dunia. LPU yang terdiri daripada profesional berkaliber mempunyai kuasa tadbir urus yang penuh. LPU akan melaksanakan proses pemilihan yang ketat untuk memilih calon terbaik bagi mengisi jawatan Naib Canselor dan barisan pemimpin tertinggi di universiti. Universiti Apex juga akan memilih pelajar berdasarkan merit akademik dan kriteria lain yang dilaksanakan secara holistik termasuk melalui temu duga. Walaubagaimanapun, komposisi kumpulan pelajar perlu mewakili pelbagai etnik tanpa kompromi dalam kelayakan akademik.

IPT akan mempunyai ahli akademik cemerlang dan kesarjaan yang tersohor. Universiti Apex akan melantik staf pengurusan dan akademik terbaik termasuk daripada IPT seluruh dunia dengan pakej ganjaran yang menarik. Sebagai sebuah pusat kecemerlangan, Universiti Apex juga akan dilengkapi dengan segala kemudahan terbaik dan terkini.



Universiti Apex akan menjadi tempat untuk menarik pelajar pintar dan ahli akademik cemerlang kekal di IPT tempatan. Bagi tujuan itu, Universiti Apex perlu mempunyai ciri berikut:

1. **Pemimpin terbaik:** Universiti Apex akan diketuai oleh pemimpin yang mempunyai ciri berikut:
 - (i) Cemerlang, berwawasan, bersemangat, dan komited untuk mencapai matlamat kecemerlangan dalam bidang kesarjaan;
 - (ii) Pengurus dan pentadbir yang berbakat untuk mengurus sumber manusia serta aset universiti yang lain; dan
 - (iii) Komunikator cemerlang yang fasih berbahasa Inggeris, bermoral tinggi, dan berintegriti serta bertindak sebagai peniup semangat.
2. **Fakulti terbaik:** Fakulti perlu mempunyai ciri berikut:
 - (i) Ahli akademik yang berbakat dan tersohor kesarjaannya dalam pelbagai bidang. Ahli akademik yang terdiri daripada rakyat tempatan dan rakyat luar negara akan mewujudkan suntikan ilmu global yang sihat serta menjadi pengajar yang hebat selain menjadi penyelidik yang cemerlang dalam bidang masing-masing.
 - (ii) Teknik pengajaran sentiasa berkualiti dan relevan
 - (iii) Penyelidikan mereka kreatif dan inovatif yang direka khusus untuk kemajuan penyelidikan serta memperluas ilmu.
3. **Pelajar terbaik:** Pelajar yang dipilih ke Universiti Apex perlu berdasarkan merit dengan kriteria dan syarat kelayakan yang tidak boleh di kompromi. Ciri pelajar di Universiti Apex perlu mempunyai:
 - (i) Kecemerlangan akademik yang tinggi secara berterusan dan konsisten sepanjang jangka masa kursus;
 - (ii) Pencapaian yang baik melalui penilaian kualiti yang ketat; dan
 - (iii) Pelajar dalam dan luar negara yang cemerlang.
4. **Kemudahan terbaik:** Universiti Apex akan dilengkapi dengan kemudahan terbaik dan terkini untuk meningkatkan proses pembelajaran dan pengajaran serta menggalakkan penyelidikan dan pembangunan.

Satu pasukan petugas akan diwujudkan. Pasukan petugas ini akan dianggotai oleh ahli akademik tempatan dan antarabangsa, pemimpin universiti, tokoh korporat dan wakil Kerajaan untuk membangunkan mekanisme penubuhan Universiti Apex. Pasukan petugas itu akan diberi masa 12 bulan untuk menetapkan kriteria dan menyenarai pendek IPT sedia ada dan baharu muncul berdasarkan pelan pembangunan jangka panjang mereka. Pasukan petugas ini juga akan mencadangkan jenis insentif untuk dianugerahkan kepada Universiti Apex.

Hasil yang diharapkan

- Satu atau dua buah Universiti Apex akan diwujudkan dalam tempoh RMKe-9.
- Universiti Apex akan diberi autonomi untuk membolehkannya memberi fokus untuk menjadi universiti yang terbaik.

Pelan Tindakan

Tindakan	Agensi Peneraju	Penyampaian	Jangka masa
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Membangun kriteria lengkap dan pelan pembangunan Universiti Apex. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pasukan kerja 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Laporan Pasukan kerja 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 2008:S3
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penubuhan Universiti Apex. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ KPT 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Universiti Apex 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 2009:S2
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Universiti Apex berada dalam senarai 100 terbaik dunia. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Universiti Apex 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 100 teratas 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 2010

Malaysia perlu menghasilkan modal insan yang berkualiti tinggi dengan lebih pantas di peringkat kedoktoran. Dengan ini, Malaysia akan lebih berdaya saing kerana Malaysia sudah mempunyai infrastruktur yang diperlukan.

MyBrain15

Modal insan terbaik penting untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi, mencetus kemajuan industri dan penerokaan bidang penyelidikan baharu yang akan meningkatkan daya saing negara. Kebanyakan negara maju dan membangun mempunyai dasar serta strategi bagi menghasilkan modal insan yang berkualiti terutama dalam bidang sains dan teknologi di peringkat PhD.

Strategi Malaysia untuk menghasilkan modal insan kelulusan PhD atau kelayakan setaraf perlu ditingkatkan. Pelajar berkualiti tinggi boleh diperoleh daripada sekolah berasrama penuh dan sekolah premier yang mempunyai infrastruktur dan kemudahan yang lengkap. Dasar sebelum ini menekankan usaha untuk meningkatkan bilangan pelajar di IPT boleh dijadikan asas bagi menambah bilangan calon pelajar meneruskan pengajian pada peringkat PhD.

Bilangan penduduk kelulusan PhD atau kelayakan setaraf boleh meningkatkan daya saing Malaysia pada peringkat global terutama dalam sektor perindustrian. Malaysia tidak boleh lagi bergantung kepada aktiviti perindustrian yang bersandarkan penyelidikan oleh organisasi komersial asing. Justeru, adalah penting Malaysia membangunkan keupayaan penyelidikannya agar menikmati lebih manfaat.

Untuk mencapai objektif ini, adalah disasarkan 100,000 penduduk mempunyai kelulusan PhD atau kelayakan setaraf dalam tempoh 15 tahun akan datang. Ini akan membantu proses peningkatan kualiti modal insan sebagaimana digariskan dalam Pelan Strategik.

Hasil yang diharapkan

- 21,000 pemegang Ph.D menjelang 2010.
- Negara mempunyai 100,000 penduduk kelulusan Ph.D atau kelayakan setaraf dalam tempoh 15 tahun akan datang dalam bidang berikut:
 - 60 peratus dalam bidang sains, teknologi dan perubatan.
 - 20 peratus dalam bidang sains kemanusiaan dan sastera gunaan.
 - 20 peratus dalam bidang profesional.

Pelan Tindakan

Tindakan	Agensi Peanaraju	Penyampaian	Jangka masa
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mewujudkan hubungan rakan kongsi dalam kalangan kementerian yang berkaitan, institusi penyelidikan awam, dan swasta serta badan profesional. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ KPT 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelan pembangunan PhD dan program penyelidikan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 2008:S1
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Hubungan kerjasama dijalin bersama universiti penyelidikan terbaik (program <i>split</i> PhD dan lain-lain). 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ KPT ▪ IPT 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Program antarabangsa 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 2008:S3

Audit Prestasi Akademik

Penurunan kuasa tertentu daripada KPT kepada IPT tidak mengurangkan tanggungjawab Kementerian. KPT merupakan pihak berkepentingan yang terpenting dalam meningkatkan kualiti pengajian tinggi.

Justeru, KPT perlu mewujudkan satu mekanisme untuk menilai dan memantau keberkesanan dan kualiti IPT dari semasa ke semasa. Untuk tujuan ini, Unit Audit akan ditubuhkan di KPT untuk menyelaraskan dan menilai kualiti IPTA dan IPTS. Unit ini memberi tumpuan kepada pengauditan akademik sahaja. Fungsi audit bukan akademik adalah di luar bidang tugas Unit ini.

Hasil yang diharapkan

- Semua prosedur mengenai penilaian IPT diselaraskan untuk memudahkan mekanisme pemantauan KPT.
- Sistem penyetaraan IPT diwujudkan untuk membolehkan institusi tersebut dinilai berdasarkan kepada penarafan tempatan.

Pelan Tindakan

Tindakan	Ajensi Peneraju	Penyampaian	Jangka masa
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menubuhkan sebuah jawatankuasa audit penilaian akademik pengajian tinggi. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ KPT 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Laporan audit kualiti akademik pengajian tinggi. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 2007:S4
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penyetaraan IPT berdasarkan prestasi. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ KPT ▪ MQA 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Sistem penyetaraan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 2008:S4



Pembelajaran sepanjang hayat

Pembelajaran sepanjang hayat (PSH) merupakan satu dasar pendidikan yang diberi penekanan oleh negara-negara maju dan organisasi antarabangsa seperti OECD, UNESCO dan Majlis Eropah (Council of Europe) sejak tiga dekad yang lalu. Dasar OECD tentang PSH menjelaskan beberapa aspek umpamanya proses globalisasi dan perubahan teknologi, pola kerjaya dan pasaran tenaga kerja yang sering berubah, dan jurang perbezaan antara yang berilmu dan kurang berilmu.

Kerajaan menyedari bahawa Malaysia sebagai sebuah negara membangun perlu menangani perkara ini dan beberapa langkah yang bersesuaian telah diambil bagi meningkatkan PSH. Pada masa ini, peluang melanjutkan pengajian terbuka luas dalam pelbagai institusi pendidikan. Di bawah domain KPT, pelajar dewasa boleh melanjutkan pengajian di universiti awam dan swasta, kolej universiti, universiti terbuka, politeknik, kolej komuniti atau kolej swasta.

Di samping itu, pelbagai agensi kerajaan dan kementerian menawarkan pendidikan dan latihan kepada orang awam. Kementerian berkenaan ialah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pelancongan dan Kementerian Kesihatan.

Peluang latihan juga ditawarkan secara berkala oleh:

- Majikan, badan profesional dan organisasi perdagangan,
- NGO dan organisasi kemasyarakatan awam lain,
- Organisasi Keagamaan, dan
- Organisasi yang ada hubung kait dengan parti politik.

Dasar negara mengenai PSH yang jelas, bersepadu dan holistik perlu digubal. Dalam menggubal dasar mengenai PSH, perkara berikut akan diberi keutamaan:

- Visi Nasional untuk PSH perlu mempunyai definisi, matlamat sesuai dengan objektif dan strategi sosioekonomi negara;
- Bidang keutamaan yang memerlukan galakan kerajaan di samping mengekalkan kepelbagaian dalam pembelajaran formal dan tidak formal;

- Penyelarasan antara keperluan tenaga kerja dengan mengambil kira keperluan masa hadapan;
- Mengenalpasti golongan yang memerlukan lebih perhatian seperti miskin di bandar dan luar bandar, bumiputera asli Sabah dan Sarawak, orang asli dan orang kurang upaya;
- Perkongsian bestari dalam kalangan sektor awam dan swasta, institusi, pertubuhan bukan kerajaan, kesatuan sekerja, dan badan profesional;
- Penyediaan pembelajaran yang berkualiti dan fleksibel menjurus kepada persijilan untuk menampung keperluan pelajar dewasa.

Untuk memastikan kejayaan pelaksanaan dasar PSH, perkara berikut perlu diambil kira:

- Struktur tadbir urus yang jelas, sumber yang mencukupi dan diurus dengan cekap serta menepati sasaran;
- Keperluan pelajar dan latihan yang relevan;
- Insentif dan galakan bagi perkhidmatan yang ditawarkan kepada kumpulan sasar;
- Mekanisme untuk membudayakan PSH;
- Saluran maklumat untuk merangsang dan membimbing warganegara tentang peluang PSH;
- Peranan IPT dan institut latihan masa hadapan serta hubungan kerjasama dan rakan kongsi untuk memudahkan pelaksanaan dasar;
- Mengadaptasikan mekanisme penyampaian pembelajaran secara kos-efektif seperti pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran berasaskan ICT;
- Pemindahan kredit, pengiktirafan pengalaman pembelajaran terdahulu melalui MQF; dan
- Pembiayaan yang wajar dan insentif kepada pelajar serta penyedia perkhidmatan PSH.

Budaya pembelajaran sepanjang hayat yang berkembang pesat turut menyumbang kepada keperluan modal insan untuk pembangunan negara.

PSH juga merupakan laluan alternatif bagi meningkatkan akses dan ekuiti dalam pengajian tinggi.

Kerajaan akan memainkan peranan penting dalam menentukan hala tuju dan menyediakan mekanisme untuk membangunkan PSH di Malaysia. Struktur tadbir urus terbaik akan mempercepatkan pembangunan dan kelestarian PSH bagi memperoleh kejayaan dalam masa panjang melalui langkah berikut:

- Menubuhkan Jawatankuasa Kebangsaan untuk PSH (NCLLL) di bawah Majlis Penasihat Pendidikan dan Latihan Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri. Ini merupakan langkah pertama bermatlamat untuk melahirkan masyarakat berpengetahuan. NCLLL perlu menyediakan rancangan strategik, sumber keperluan, jangkaan pencapaian dan sasaran yang jelas termasuk KPI.
- Jawatankuasa Kebangsaan akan beroperasi melalui pelbagai perkongsian dan kerjasama pada peringkat Persekutuan. Pada peringkat Negeri pula, ia akan digerakkan melalui penubuhan Jawatankuasa Negeri PSH. Jawatankuasa Negeri ini bertanggungjawab ke atas pelaksanaan pelan tersebut di bawah penyeliaan Jawatankuasa Kebangsaan.
- Keahlian bagi Jawatankuasa ini akan dianggotai sekurang-kurangnya oleh seorang tokoh pendidik dan komposisi wakil dari pelbagai pihak yang berkepentingan.
- KPT akan bertindak sebagai sekretariat untuk NCLLL.

Hasil yang diharapkan

- Peningkatan pelajar supaya menjelang 2020, Malaysia mempunyai 33 peratus tenaga kerja berkelayakan tertiar.
- Pembudayaan PSH bagi menyokong keperluan pembangunan modal insan.
- Laluan alternatif untuk memberi peluang semua masyarakat termasuk miskin di bandar dan luar bandar, bumiputera di Sabah dan Sarawak, masyarakat orang Asli dan orang kurang upaya.

Pelan Tindakan

Tindakan	Agensi Peneraju	Penyampian	Jangka masa
<ul style="list-style-type: none"> • Menubuhkan Jawatankuasa Kebangsaan PSH (JKPSH). • Menubuhkan Jawatankuasa Negeri PSH(JNPSH). 	<ul style="list-style-type: none"> • Majlis Penasihat Kebangsaan Pendidikan dan Latihan • KPT • KSM • JPA 	<ul style="list-style-type: none"> • JKPSH • JNPSH 	<ul style="list-style-type: none"> • 2008:S1 • 2008:S1
<ul style="list-style-type: none"> • Menggubal Dasar PSH nasional. 	<ul style="list-style-type: none"> • JKPSH • KPT 	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar PSH Nasional. 	<ul style="list-style-type: none"> • 2008:S2
<ul style="list-style-type: none"> • Menggubal halatuju PSH nasional. 	<ul style="list-style-type: none"> • JKPSH • KPT 	<ul style="list-style-type: none"> • Hala tuju 10 tahun PSH 	<ul style="list-style-type: none"> • 2008:S2
<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan Fasa 1 halatuju PSH. 	<ul style="list-style-type: none"> • KPT 	<ul style="list-style-type: none"> • Halatuju Fasa I 	<ul style="list-style-type: none"> • 2008:S4

Skim Latihan Graduan

Isu pengangguran dalam kalangan graduan berbangkit, antara lain, disebabkan kurang kesedaran berkaitan dengan peranan yang berbeza antara IPT dengan industri latihan dalam menyediakan graduan ke alam pekerjaan. Peranan IPT adalah untuk menyediakan graduan dengan pengetahuan dan kemahiran umum, terutama di dalam konteks membina sikap positif. Manakala institusi latihan pula, menyediakan kemahiran vokasional yang khusus.

Walaupun pemilihan bidang kursus pengajian berdasarkan pilihan dan minat pelajar, laluan tambahan untuk menguasai kemahiran khusus untuk mengorak langkah ke alam kerjaya perlu dibekalkan. Pelajar boleh memilih bidang kemahiran yang disediakan mengikut pilihan dan minatnya serta relevan dengan keperluan industri.

Pelajar digalakkan mengambil kursus lanjutan mengikut tempoh tertentu untuk menguasai kemahiran pada peringkat sijil dan diploma yang diiktiraf oleh industri. Pada masa yang sama, penyertaan aktif industri adalah amat penting dan akan menambah baik kurikulum dan reka bentuk kursus.

Berdasarkan perspektif industri, kursus yang ditawarkan kepada pelajar terbahagi kepada dua kategori iaitu kursus profesional dan kursus am. Kursus profesional mempunyai nilai yang tinggi dan mempunyai kaitan secara langsung dengan industri seperti kejuruteraan, perubatan, pergigian, perakaunan dan undang-undang. Graduan kursus profesional boleh terus memasuki pasaran pekerjaan selepas memperoleh ijazah.



Sebaliknya, graduan kursus am seperti sejarah, geografi, falsafah dan sastera kurang berkaitan dengan industri (selain institusi pendidikan) akan menjadi golongan sasaran utama untuk mengikuti program latihan ini.

Hasil yang diharapkan

- Latihan industri yang berstruktur dan formal.
- Graduan memenuhi kehendak pasaran.
- Graduan boleh menjadi usahawan dan mewujudkan pekerjaan.
- Program latihan yang berjaya akan menjadi asas kepada perkembangan PSH.

Pelan Tindakan

Tindakan	Agensi Peneraju	Penyampaian	Jangka masa
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mewujudkan Skim Latihan Graduan bagi graduan dalam bidang bukan profesional. Graduan boleh memilih bidang latihan yang diminati. ▪ Menubuhkan jawatankuasa penyelarasan nasional untuk melaporkan kepada Majlis Penasihat Pendidikan dan Latihan untuk memastikan graduan dalam bidang bukan profesional memperoleh pelbagai kemahiran. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ KPT ▪ Kolej Komuniti ▪ Institut latihan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Skim Latihan Graduan ▪ Latihan kerjaya 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 2008:S2 ▪ 2008:S2
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menubuhkan satu tabung latihan dengan mekanisme pengagihan peruntukan yang efisien. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ KPT/MOF 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tabung Latihan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 2008:S2
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mengujudkan jawatan pegawai penasihat kerjaya di semua IPTA bagi memberi nasihat dan bimbingan kepada graduan mendapatkan pekerjaan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ IPTA 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kadar graduan mendapat pekerjaan yang tinggi. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 2008:S2